KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# "KERATAN AKHBAR KESUMA"

## KHAMIS
## 18 Disember 2025

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Utusan Malaysia** |
| **Tarikh** | **18 Disember 2025** |
| **Ruang** | **Dalam Negeri** |
| **Muka Surat** | **2** |





**SULTAN Ibrahim berkenan menyaksikan (dari kiri) Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R.Ramanan; Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup mengangkat sumpah pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan di Istana Negara, semalam. - JABATAN PENERANGAN**

# Bekerja untuk rakyat

**Dari muka 1**

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Kabinet baharu Kerajaan Madani merupakan peneruS

Menurutnya, kehendak rakyat tidak boleh sekadar dizahirkan melalui ucapan atau kenyataan, sebaliknya perlu diterjemahkan kepada tindakan segera.

Anwar berkata, Kabinet dituntut membuat keputusan berani dan pantas bagi menangani isu-isu rakyat, selari dengan harapan tinggi yang diletakkan terhadap pentadbiran kerajaan.

"Setiap anggota Kabinet perlu memahami aspirasi dan nurani semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang," katanya dalam Facebook beliau, semalam.

> **"Setiap anggota Kabinet perlu memahami aspirasi dan nurani semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang."**
>
> **ANWAR IBRAHIM**

Menurutnya, kejayaan kerajaan bergantung kepada keupayaan menterjemah mandat rakyat kepada pelaksanaan dasar yang berkesan dan berintegriti.

Anwar turut mengingatkan semua menteri dan timbalan menteri supaya bekerja dengan penuh disiplin serta mengutamakan kepentingan rakyat dalam setiap keputusan.

Beliau berkata, Kabinet Madani mesti memastikan setiap dasar dilaksanakan tanpa lengah dan benar-benar dirasai rakyat, selaras dengan amanah yang telah diberikan.

| Akhbar | Kosmo! |
|---|---|
| Tarikh | 18 Disember 2025 |
| Ruang | Negara |
| Muka Surat | 6 |



# Agong titah anggota Jemaah Menteri turun padang, jaga rakyat

**PETALING JAYA** – Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menitahkan menteri dan timbalan menteri supaya sentiasa turun padang dan mendengar suara rakyat.

Seri Paduka Baginda bertitah, anggota Jemaah Menteri mesti sentiasa menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan penuh integriti serta mengutamakan kepentingan rakyat.

Titah Seri Paduka Baginda, keutamaan kerajaan antara lain menitikberatkan kesejahteraan rakyat, kestabilan negara serta kemakmuran ekonomi seiring prinsip tadbir urus yang baik.

"Menteri dan timbalan menteri perlu sentiasa turun padang mendengar suara rakyat. Anda perlu menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi dan komitmen tinggi," titah Seri Paduka Baginda semalam.

Selain itu, Sultan Ibrahim turut bertitah supaya anggota Jemaah Menteri bekerjasama sebagai satu pasukan bagi memastikan pentadbiran negara berjalan dengan cekap dan berkesan.

Terdahulu, Seri Paduka Baginda berkenan berangkat ke Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia oleh Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri Persekutuan.

Majlis yang berlangsung di Istana Negara semalam turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.



**SULTAN IBRAHIM** berkenan menerima mengadap anggota Jemaah Menteri selepas Istiadat Angkat Sumpah di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | Kosmo! |
|---|---|
| Tarikh | 18 Disember 2025 |
| Ruang | Negara |
| Muka Surat | 6 |

SUARA KONTEMPORARI Kosmo!

# Tujuh menteri angkat sumpah

- Angkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong
- Susulan rombakan Kabinet Madani kelmarin

**PETALING JAYA** – Seramai tujuh menteri mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim di Istana Negara di ibu negara semalam.

Selain itu, lapan timbalan menteri baharu dilantik turut mengangkat sumpah jawatan susulan rombakan Kabinet Kerajaan Madani yang diumumkan semalam.

Istiadat yang berlangsung di Singgahsana Kecil di Istana Negara pada pukul 10 pagi itu dimulakan dengan lafaz ikrar sumpah jawatan dan taat setia.

Istiadat kemudiannya diteruskan dengan majlis penandatanganan dokumen rasmi pelantikan yang disaksikan oleh Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Wan Ahmad Farid Wan Salleh.

Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan serta Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Antara menteri mengangkat sumpah ialah Datuk Seri Arthur Joseph Kurup yang dilantik sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Turut mengangkat sumpah Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad sebagai Menteri Perladangan dan Komoditi; Datuk Seri R. Ramanan sebagai Menteri Sumber Manusia serta Akmal Nasrullah Mohd. Nasir sebagai Menteri Ekonomi.

Sementara itu, Datuk Mustapha Sakmud dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak).

Dr. Zulkifli Hasan pula dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), manakala Dr. Mohammed Taufiq Johari dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan.

Bagi pelantikan timbalan menteri, antara yang mengangkat sumpah ialah Sim Tze Tzin sebagai Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri.

Datuk Mohd. Shahar Abdullah dilantik sebagai Timbalan Menteri Ekonomi, manakala R. Yuneswaran sebagai Timbalan Menteri Perpaduan Negara.

Turut mengangkat sumpah ialah beberapa timbalan menteri beberapa kementerian diumukan bertukar portfolio iaitu Mordi Bimol, Syed Ibrahim Syed Noh, Chiew Choon Man, Datuk Lo Su Fui dan Marhamah Rosli.



**AKMAL NASRULLAH, Ramanan, Noraini dan Arthur menandatangani dokumen rasmi lantikan di Istana Negara semalam.**

| Akhbar | Berita Harian |
|---|---|
| Tarikh | 18 Disember 2025 |
| Ruang | Nasional |
| Muka Surat | 1 |



Khamis, 18 Disember 2025 | 27 Jamadilakhir 1447 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

# Bekerja demi rakyat

Wadah Pembaharuan BH BeritaHarian

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menitahkan jemaah menteri mengutamakan kesejahteraan rakyat, kestabilan negara dan kemakmuran ekonomi serta bekerja dengan penuh integriti. Baginda juga menyeru anggota Kabinet menjalankan tanggungjawab penuh dedikasi dan komitmen tinggi sebagai satu pasukan. → Nasional 3, 4

Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan surat cara pelantikan kepada menteri, timbalan menteri yang terbabit dalam rombakan Kabinet diumum Perdana Menteri kelmarin. Majlis berlangsung di Istana Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Berita Harian** |
| **Tarikh** | **18 Disember 2025** |
| **Ruang** | **Nasional** |
| **Muka Surat** | **3** |





*Sultan Ibrahim bersama Anwar, Fadillah dan Shamsul Azri pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan serta Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia oleh menteri dan timbalan menteri Persekutuan di Istana Negara, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Agong titah Jemaah Menteri jujur tunai amanah

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menasihatkan anggota Jemaah Menteri agar sentiasa menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan penuh integriti serta mengutamakan kepentingan rakyat.

Menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, semalam, Seri Paduka Baginda bertitah kerajaan perlu menitikberatkan kesejahteraan rakyat, kestabilan negara serta kemakmuran ekonomi selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik.

Sultan Ibrahim turut menekankan kepentingan kerjasama berpasukan dalam kalangan anggota Jemaah Menteri bagi memastikan pentadbiran negara berjalan dengan cekap dan berkesan.

"Menteri dan timbalan menteri perlu sentiasa turun padang mendengar suara rakyat. Anda perlu menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi dan komitmen tinggi," titah Seri Paduka Baginda kepada Royal Press Office (RPO), semalam.

Terdahulu, Seri Paduka Baginda berkenan berangkat ke Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan serta Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia oleh menteri-menteri dan timbalan menteri Persekutuan.

Majlis yang berlangsung di Istana Negara itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Seramai tujuh menteri termasuk dua yang baharu dilantik mengangkat sumpah jawatan di hadapan Sultan Ibrahim semalam.

Pada masa sama, lapan timbalan menteri yang baharu dilantik turut mengangkat sumpah jawatan.

Kelmarin, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan menteri baharu serta pertukaran beberapa portfolio, berikutan kekosongan dalam Kabinet Kerajaan MADANI dan keperluan untuk membuat sedikit penyesuaian. BERNAMA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Harian Metro** |
| **Tarikh** | **18 Disember 2025** |
| **Ruang** | **Lokal** |
| **Muka Surat** | **1** |


PP/1273/03/2013 (032006)
RM2.00
WWW.HMETRO.COM.MY HARIANMETRO HMETROMY
KHAMIS 18 DISEMBER 2025
27 JAMADILAKHIR 1447

ANGKAT SUMPAH MENTERI KABINET

# GALAS AMANAH SEBAIK MUNGKIN

MS1

| Akhbar | Harian Metro |
|---|---|
| Tarikh | 18 Disember 2025 |
| Ruang | Lokal |
| Muka Surat | 16 |



**lokal**



SULTAN Ibrahim berkenan bergambar kenangan pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan di Istana Negara, semalam. Turut kelihatan, Anwar, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. Sebanyak tujuh menteri termasuk dua yang baharu dilantik mengangkat sumpah jawatan di Istana Negara susulan rombakan Kabinet Kerajaan MADANI.

ROMBAKAN KABINET KERAJAAN MADANI

# Angkat sumpah jawatan

Kuala Lumpur

Seramai tujuh menteri termasuk dua yang baharu dilantik mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Istana Negara, di sini, semalam, susulan rombakan Kabinet Kerajaan MADANI.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut hadir pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia itu yang berlangsung di Singgahsana Kecil pada jam 10 pagi.

Pada masa sama, lapan timbalan menteri yang baharu dilantik turut mengangkat sumpah jawatan.

Kelmarin, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan menteri baharu serta pertukaran beberapa portfolio berikutan kekosongan dalam Kabinet Kerajaan MADANI dan keperluan untuk membuat sedikit penyesuaian.

Istiadat itu bermula dengan lafaz ikrar sumpah jawatan dan taat setia serta majlis penandatanganan dokumen rasmi pelantikan yang disaksikan Ketua Hakim Negara Datuk Seri Wan Ahmad Farid Wan Salleh.

Menteri yang mengangkat sumpah ialah Datuk Seri Arthur Joseph Kurup dilantik sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, bertukar daripada Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dilantik sebagai Menteri Perladangan dan Komoditi, bertukar daripada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Datuk Seri R Ramanan dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia, bertukar daripada Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Akmal Nasrullah Mohd Nasir dilantik sebagai Menteri Ekonomi, bertukar daripada Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Datuk Mustapha Sakmud dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak), lantikan baharu.

Dr Zulkifli Hasan dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), bertukar daripada Timbalan Menteri portfolio sama.

**Istiadat bermula dengan lafaz ikrar sumpah jawatan dan taat setia**

Dr Mohammed Taufiq Johari dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan yang merupakan lantikan baharu.

Timbalan menteri yang merupakan lantikan baharu ialah Sim Tze Tzin sebagai Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri; Datuk Mohd Shahar Abdullah sebagai Timbalan Menteri Ekonomi; R Yuneswaran sebagai Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Mordi Bimol sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

Selain itu, Syed Ibrahim Syed Noh sebagai Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam; Chiew Choon Man sebagai Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya; Datuk Lo Su Fui sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan Marhamah Rosli dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Istiadat diakhiri dengan sesi bergambar barisan menteri serta timbalan menteri yang baharu bersama Sultan Ibrahim. - BERNAMA

| Akhbar | Harian Metro |
|---|---|
| Tarikh | 18 Disember 2025 |
| Ruang | Lokal |
| Muka Surat | 16 |

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Harian Metro

# Galas amanah diberi sebaik mungkin

**Kuala Lumpur:** Anggota Jemaah Menteri baharu dan yang bertukar portfolio dalam rombakan Kabinet Kerajaan Perpaduan yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin menyatakan iltizam mereka untuk menjalankan amanah yang diberi sebaik mungkin.

Datuk Seri R Ramanan yang dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia berkata, pelantikan beliau merupakan satu tanggungjawab besar untuk memastikan agenda pembangunan tenaga kerja negara diperkasakan secara menyeluruh, inklusif dan berdaya saing selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Ramanan yang juga bekas Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, beliau akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab itu dengan penuh dedikasi dan komitmen demi menjamin harapan rakyat Malaysia termasuk komuniti India di negara ini.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menggalas amanah sebagai Menteri Sumber Manusia," katanya dalam kenyataan.

Sim Tze Tzin yang memegang jawatan Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri pula berikrar untuk bekerjasama dengan Menterinya Datuk Seri Johari Abdul Ghani dalam memperkukuh agenda pelaburan, perdagangan dan perindustrian negara.

Ahli Parlimen Bayan Baru itu beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan penuh dedikasi, amanah dan integriti demi kepentingan negara.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kepercayaan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan PKR (Parti Keadilan Rakyat) terhadap saya.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada seluruh pengundi Bayan Baru atas kepercayaan diberikan kepada saya sepanjang empat penggal," katanya dalam hantaran di Facebook rasminya, semalam.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang baharu Mordi Bimol pula berazam untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan sebaik mungkin demi kepentingan belia dan pembangunan sukan negara.

Ahli Parlimen Mas Gading itu berkata pada peringkat awal, fokus beliau adalah untuk memahami dengan sepenuhnya peranan dan keperluan kementerian, di samping menyokong usaha sedia ada dalam pembangunan belia serta sukan, khususnya pada peringkat akar umbi.

"Sebagai seorang Ahli Parlimen, saya sedar akan keterbatasan diri dan keperluan untuk terus belajar. Pengalaman sebagai wakil rakyat, khususnya di kawasan luar bandar, akan menjadi panduan dalam menyumbang secara berperingkat dan berlandaskan realiti di lapangan," katanya dalam kenyataan. – BERNAMA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **New Straits Times** |
| **Tarikh** | **18 December 2025** |
| **Ruang** | **Nation/News** |
| **Muka Surat** | **1** |

NEW STRAITS TIMES ESTABLISHED 1845

# 'WORK FOR THE PEOPLE'

NEW ministers and deputy ministers take their oath of office before the king, who tells them to prioritise the people and ensure economic stability. The prime minister says the new cabinet lineup ensures continuity while including younger members to expand the pool of leaders.

- Anwar pledges more decisive action on sensitive issues
- Good governance is a colour-blind team effort, says PM

» REPORTS ON **PAGES 3 & 4**



PIC FROM SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR'S FACEBOOK PAGE

| Akhbar | New Straits Times |
|---|---|
| Tarikh | 18 December 2025 |
| Ruang | Nation/News |
| Muka Surat | 3 |



(From left) Economy Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir, Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan, Plantation and Commodities Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad and Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Datuk Seri Arthur Joseph Kurup taking their oath of office before His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia at Istana Negara yesterday. BERNAMA PIC

SWEARING-IN CEREMONY

# King: Put people's interest above all else

**KUALA LUMPUR:** His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia yesterday advised cabinet ministers to carry out their duties with integrity and to place the interests of the people above all else.

In a statement issued by the Royal Press Office, he said the government must prioritise the well-being of the people, national stability and economic prosperity, in line with the principles of good governance.

The advisory came during the ceremony at Istana Negara for the presentation of instruments of appointment and the taking of the oath of office, allegiance and secrecy, which began at 10am.

The event followed Tuesday's cabinet reshuffle. Seven ministers, including two newly appointed, and eight deputy ministers were sworn in.

Several ministers retained their portfolios, while others were shifted to new roles, reflecting a mix of continuity and strategic change within the government.

Former plantation and commodities minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani is investment, trade and industry minister, Datuk Seri R. Ramanan is human resources minister and Steven Sim is entrepreneur and cooperatives development minister.

Akmal Nasrullah Mohamad Nasir is economy minister, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup is natural resources and environmental sustainability minister and Hannah Yeoh, previously Youth and sports minister, is now federal territories minister in the Prime Minister's Department.

Those dropped from the cabinet include former federal territories minister Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, former religious affairs minister Datuk Mohd Na'im Mokhtar and former deputy national unity minister K. Saraswathy.

Present at the ceremony were Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof.

"Ministers and deputy ministers must always go to the ground to listen to the voices of the people.

"You must carry out the responsibilities entrusted to you with full dedication and a high level of commitment," His Majesty said.

He said cabinet members must work together as a team to ensure the country's administration runs efficiently and effectively.

*Page 1 pic: His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia talking to ministers and other officials after the swearing in of new cabinet appointments at Istana Negara yesterday.*

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | The Star |
|---|---|
| Tarikh | 18 December 2025 |
| Ruang | Nation |
| Muka Surat | 2 |





**New phase of government:** Sultan Ibrahim (centre) graciously posing for a commemorative photograph during the Ceremony for the Presentation of Instruments of Appointment and the Swearing-In Ceremony of Office and Allegiance, as well as the Oath of Secrecy, for Federal Ministers and Deputy Ministers at Istana Negara. Also present are Anwar, and the Chief Secretary to the government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. — Bernama

# King advises Cabinet to prioritise people, good governance

**KUALA LUMPUR:** His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia, has advised the Cabinet members to always carry out their trust and responsibilities with full integrity and to prioritise the interests of the people.

He added the government must give importance to the people's well-being, country's stability and economic prosperity, in line with the principles of good governance.

Sultan Ibrahim also emphasised the importance of teamwork among the Cabinet members to ensure the country's administration runs efficiently and effectively.

WATCH THE VIDEO TheStarTV.com

"Ministers and Deputy Ministers must always be on the field to listen to the voices of the people. You must carry out the responsibilities entrusted with full dedication and a high level of commitment," His Majesty told the Royal Press Office yesterday, Bernama reported.

Earlier, His Majesty graced the presentation of appointment letters, as well as the taking of oath of office, allegiance and secrecy by the federal ministers and deputy ministers during a ceremony at Istana Negara.

A total of seven ministers, including two newly appointed ones, took the oath of office before His Majesty.

The ceremony was attended by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof.

| Akhbar | Sinar Harian |
|---|---|
| Tarikh | 18 Disember 2025 |
| Ruang | Nasional |
| Muka Surat | 4 |



# Agong nasihat jemaah menteri bekerja demi rakyat

FOTO: BERNAMA



Sultan Ibrahim berkenan beramah mesra selepas Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan di Istana Negara pada Rabu.

**KUALA LUMPUR** - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bertitah menasihatkan anggota Jemaah Menteri agar sentiasa menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan penuh integriti serta mengutamakan kepentingan rakyat.

Menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, Seri Paduka Baginda bertitah kerajaan perlu menitikberatkan kesejahteraan rakyat, kestabilan negara serta kemakmuran ekonomi selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik.

Sultan Ibrahim turut menekankan kepentingan kerjasama berpasukan dalam kalangan anggota Jemaah Menteri bagi memastikan pentadbiran negara berjalan dengan cekap dan berkesan.

"Menteri dan Timbalan Menteri perlu sentiasa turun padang mendengar suara rakyat. Anda perlu menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi dan komitmen tinggi," titah Seri Paduka Baginda kepada Royal Press Office (RPO) pada Rabu.

Sebelum itu, Seri Paduka Baginda berkenan berangkat ke Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan serta Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia oleh menteri-menteri dan timbalan menteri Persekutuan.

Majlis yang berlangsung di Istana Negara itu turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

Sebanyak tujuh menteri termasuk dua yang baru dilantik mengangkat sumpah jawatan susulan rombakan Kabinet Kerajaan Madani.

Pada masa sama, lapan timbalan menteri yang baharu dilantik turut mengangkat sumpah jawatan.

Pada Selasa, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan menteri baharu serta pertukaran beberapa portfolio, berikutan kekosongan dalam Kabinet Kerajaan Madani dan keperluan untuk membuat sedikit penyesuaian.

Istiadat itu bermula dengan lafaz ikrar sumpah jawatan dan taat setia serta majlis penandatanganan dokumen rasmi pelantikan yang disaksikan Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Wan Ahmad Farid Wan Salleh. - *Bernama*

| Akhbar | Tamil Nanban |
|---|---|
| Tarikh | 18 December 2025 |
| Ruang | Nation |
| Muka Surat | 3 |



# 7 அமைச்சர்கள் - 8 துணை அமைச்சர்கள் மாமன்னர் முன்னிலையில் பதவி பிரமாணம்

கோலாலம்பூர், டிச.18- புதிதாக நியமனம் செய்யப்பட்டிருக்கும் 7 அமைச்சர்கள் 8 துணை அமைச்சர்கள் நேற்று அதிகாரப்பூர்வமாக பதவி பிரமாணம் எடுத்துக் கொண்டனர்.

ஒற்றுமை அரசாங்க அமைச்சரவையில் நான்கு அமைச்சர்களின் இடங்கள் காலியாகி விட்டதை அடுத்து நேற்று முன்தினம் பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ அன்வார் இப்ராஹிம் அமைச்சரவையில் மாற்றங்களை கொண்டு வந்தார்.

அமைச்சரவை மாற்றத்தில் 7 புதிய அமைச்சர்களும் 8 துணை அமைச்சர்களும் நியமனம் செய்யப்பட்டனர். நேற்று காலை 10 மணியளவில் இஸ்தானா நெகாரா தேசிய அரண்மனையில் மாட்சிமை தங்கிய



மாமன்னர் சுல்தான் இப்ராஹிம் முன்னிலையில் அவர்கள் பதவி பிரமாணம் எடுத்துக் கொண்டனர்.

அப்போது நிதி அமைச்சருமான அன்வார் மற்றும் தலைமை நீதிபதி வான் அகமட் ஆகியோர் உடன் இருந்தனர். இயற்கை வளம் சுற்றுச்சூழல் அமைச்சர் ஆர்தர் ஜோசோப், தோட்ட மூல தொழில்துறை அமைச்சர் நோராய்னி அகமட், மனிதவள அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ ஆர். ரமணன், பொருளாதார அமைச்சர் நஸ்ருல்லா, பிரதமர் துறை அமைச்சர் முஸ்தாபா, சமய துறை அமைச்சர் சுல்கிப்ளி ஹசான், இளைஞர் விளையாட்டுத்துறை அமைச்சர் முகமட் தாவ்பிக் ஜொகாரி ஆகிய 7 முழு அமைச்சர்களும் பதவி பிரமாணம் எடுத்துக் கொண்டனர்.

முதலீடு, வர்த்தக, தொழில் துறை துணை அமைச்சர் சிம் சி ஷின், துணை பொருளாதார அமைச்சர் முகமட் சாஹார், ஒற்றுமை துறை துணையமைச்சர் ஆர்.யுனேஸ்வரன், இளைஞர் விளையாட்டுத் துறை துணை அமைச்சர் மோர்டி பிமோல், இயற்கை வள சுற்றுச் சூழல் துறை துணை அமைச்சர் சைட் இப்ராஹிம், சுற்றுலா கலை கலாச்சார துணை அமைச்சர் சியூ சுன், பிரதமர் துறை துணை அமைச்சர் லோ சு புய், சமயத் துறை துணை அமைச்சர் மார்காமா ரோஸ்லி ஆகியோரும் பதவி பிரமாணம் எடுத்துக் கொண்டனர்.

| Akhbar | Tamil Nanban |
|---|---|
| Tarikh | 18 December 2025 |
| Ruang | Nation |
| Muka Surat | 3 |

# கடமைகளை சிறப்பாக நிறைவேற்றுவோம்

## புதிய அமைச்சர்கள் உறுதி மொழி

கோலாலம்பூர், டிச.18-

எங்கள் மீது நம்பிக்கை வைத்து அமைச்சர் பொறுப்புகளை வழங்கி இருக்கிறார் பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ அன்வார் இப்ராஹிம்.

அவரது எதிர்ப்பார்ப்புகளை நிறைவேற்றும் வகையில் சிறந்த சேவைகளை வழங்க தயாராக இருக்கிறோம் என்று புதிதாக நியமனம் செய்யப்பட்ட அமைச்சர்கள் கூறுகின்றனர்.

நேற்று முன்தினம் அமைச்சரவையில் மாற்றங்களை கொண்டு வந்தார் அன்வார். இந்த புதிய அமைச்சரவையில் மனிதவள அமைச்சராக நியமனம் செய்யப்பட்டிருக்கிறார் டத்தோஸ்ரீ ஆர்.ரமணன்.

இவர் முன்பு தொழில் முனைவர் மேம்பாடு மற்றும் கூட்டுறவு துறை துணை அமைச்சராக இருந்தார். இப்போது அமைச்சராக நியமிக்கப்பட்டிருப்பதால் எனக்கு மிகப்பெரிய பொறுப்பு இருக்கிறது என்று ரமணன் கூறினார்.

ஒற்றுமை அரசாங்கத்தின் கொள்கைகளை நிறைவேற்ற வேண்டும் என்கிற கடமை இருக்கிறது.



நாட்டில் தொழிலாளர் மேம்பாட்டிற்காக பாடுபட வேண்டும்.

மலேசியர்களின் எதிர்பார்ப்புகளை குறிப்பாக இந்திய சமுதாயத்தின் எதிர்பார்ப்பையும் தேவையையும் நிறைவேற்ற வேண்டிய கடமை இப்போது எனக்கு இருக்கிறது. இப்போது நான் இந்திய சமுதாயத்தின் பிரதிநிதியாக அமைச்சரவையில் இருக்கின்றேன்.

என் மீது நம்பிக்கை வைத்து இந்த பெரிய பொறுப்பை வழங்கியதற்காக பிரதமருக்கு நன்றி கூறிக் கொள்கிறேன் என்றார் ரமணன்.

இதனிடையே முதலீடு, வர்த்தக தொழில்துறை அமைச்சர் ஜொகாரி அப்துல் கனியுடன் இணைந்து சிறந்த சேவையை வழங்குவேன் என்று முதலீடு, வர்த்தக தொழில் துறை துணை அமைச்சர் சிம் சி ஷின் தெரிவித்தார்.

நாட்டில் விளையாட்டுத் துறையின் மேம்பாட்டிற்காக கடுமையாக பாடுபடுவேன் என்று இளைஞர் விளையாட்டுத் துறை துணை அமைச்சர் மோர்டி பிமோல் கூறினார்.

| Akhbar | Makkal Osai |
|---|---|
| Tarikh | 18 December 2025 |
| Ruang | Nation |
| Muka Surat | 5 |



# மக்களின் குரல்களுக்கு செவி சாயுங்கள்

## அமைச்சர், துணை அமைச்சர்களுக்கு மாமன்னர் வலியுறுத்தல்



கோலாலம்பூர்,டிச.18-

அமைச்சர்களும் துணை அமைச்சர்களும் மக்களின் குரலுக்கு எப்போதும் செவி சாய்க்க வேண்டும். தங்களது கடமைகளை நேர்மையுடன் செயலாற்ற வேண்டும் என்று மாமன்னர் சுல்தான் இப்ராஹிம் அறிவுறுத்தினார்.

நல்லாட்சியின் கொள்கைகளுக்கு ஏற்ப மக்களின் நல்வாழ்வு, நாட்டின் நிலைத்தன்மை,பொருளாதார வளர்ச்சி ஆகியவற்றுக்கு அரசாங்கம் முன்னுரிமை அளிக்க வேண்டும்.

மக்களின் குரல்களைக் கேட்க அமைச்சர்களும் துணை அமைச்சர்களும் எப்போதும் களத்திற்குச் செல்ல வேண்டும்.

உங்களிடம் ஒப்படைக்கப்பட்ட பொறுப்புகளை முழு அர்ப்பணிப்புடனும் பொறுப்புணர்வுடனும் நிறைவேற்ற வேண்டும்.

நாட்டின் நிர்வாகம் திறமையாகவும் திறம்படவும் செயலாற்றுவதை உறுதி செய்திட அமைச்சரவை உறுப்பினர்கள் ஒரு குழுவாக ஒன்றிணைந்து செயல்பட வேண்டும் என்று புதிய அமைச்சர்கள், துணை அமைச்சர்களுக்கு பதவி உறுதிமொழி, ரகசியக் காப்பு சத்தியப் பிரமாணம் செய்து வைத்தபோது மாமன்னர் சுல்தான் இப்ராஹிம் கூறியதாக அரச செய்தி அலுவலகம் வெளியிட்ட அறிக்கையில் கூறப்பட்டது.

இந்தப் பதவிப் பிரமாணத்தின்போது பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ அன்வார் இப்ராஹிமும் துணைப் பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ ஃபடில்லா யூசோப்பும் கலந்து கொண்டனர்.

| Akhbar | Makkal Osai |
|---|---|
| Tarikh | 18 December 2025 |
| Ruang | Nation |
| Muka Surat | 5 |

# 7 அமைச்சர்கள், 8 துணை அமைச்சர்கள் பதவியேற்பு



கோலாலம்பூர்,டிச.18-

பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ அன்வார் இப்ராஹிம் அறிவித்த புதிய அமைச்சரவையில் இடம்பெற்ற ஏழு அமைச்சர்களும் எட்டு துணை அமைச்சர்களும் நேற்று மாமன்னர் சுல்தான் இப்ராஹிம் முன்னிலையில் பதவி உறுதிமொழி எடுத்துக் கொண்டனர்.

அரண்மனையில் நடைபெற்ற பதவியேற்புச் சடங்கின்போது ரகசியக் காப்பு சத்தியப் பிரமாணத்துடன் பதவியேற்பு உறுதிமொழி செய்யப்பட்டது.

காலியாகியிருந்த பல அமைச்சர் பதவிகளுக்கு தகுதியானவர்களை நியமித்ததோடு மறுசீரமைக்கப்பட்ட அமைச்சரவையை பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ அன்வார் இப்ராஹிம் நேற்று முன்தினம் அறிவித்தார்.

இந்த அமைச்சரவைப் பட்டியலில் மனிதவள அமைச்சராக சுங்கை பூலோ நாடாளுமன்ற உறுப்பினர் டத்தோஸ்ரீ ரமணன் ராமகிருஷ்ணன், சிகாமாட் நாடாளுமன்ற உறுப்பினர் ஆர்.யுனேஸ்வரன் ஒற்றுமைத்துறை துணை அமைச்சராகவும் நியமிக்கப்பட்டனர்.

ஒற்றுமைத்துறை துணை அமைச்சராகப் பதவி வகித்த செனட்டர் சரஸ்வதி கந்தசாமி இம்முறை அமைச்சரவையிலிருந்து நீக்கப்பட்டுள்ளார்.